

14 OCT 2002

Parlimen-Asean+3

MALAYSIA TERUS BERI PENJELASAN KONSEP PENUBUHAN ASEAN+3

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan usahanya untuk terus memberi penjelasan lebih terperinci mengenai konsep dan pendekatan negara ini berhubung cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata isu itu akan dibincangkan pada Sidang Kemuncak Asean kelapan yang akan diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada 4 dan 5 Nov depan.

Beliau berkata penjelasan terperinci perlu diberikan untuk memastikan matlamat penubuhan Sekretariat Asean+3 dapat direalisasikan sepenuhnya.

Dompok berkata walaupun ada anggota Asean yang tidak bersetuju dengan cadangan Malaysia untuk menubuhkan sekretariat itu di negara ini, secara dasarnya anggota negara Asean bersetuju kerjasama Asean+3 perlu diinstitusikan.

Beliau berkata demikian pada persidangan Dewan Rakyat hari ini ketika menjawab soalan Joseph Mauh Ikeh (BN-Selangau) yang mempersoalkan sikap kurang senang beberapa anggota negara Asean lain dengan cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur.

Dompok berkata antara alasan yang diberikan oleh mereka yang tidak bersetuju adalah kerana khuatir Sekretariat Asean+3 akan melemah dan meringgirkan peranan Sekretariat Asean yang sedia ada di Jakarta.

"Mereka berpendapat penubuhan satu unit ataupun biro ditubuhkan di Sekretariat Asean di Jakarta adalah memadai," katanya.

Beliau berkata sungguhpun Asean tidak mencapai kata sepakat terhadap cadangan Malaysia untuk menubuhkan sekretariat itu, negara ini telah berjaya memastikan beberapa perkara iaitu memperolehi persetujuan Menteri-menteri Luar negeri Asean+3, cadangan untuk menubuhkan sekretariat itu di Malaysia telah dirakamkan secara rasmi dan isu itu akan dibincangkan secara terbuka dalam agenda mesyuarat-mesyuarat Asean akan datang.

"Secara tidak langsung, Malaysia mempunyai asas kuat untuk meneruskan apa juga usaha selanjutnya di berbagai peringkat untuk merealisasikan cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3 oleh Malaysia," katanya.

Dompok berkata masanya sudah tiba untuk memastikan Asean+3 menjadi lebih efektif kerana Asean perlu melibatkan negara-negara +3 iaitu Jepun, Korea dan China kerana keadaan ekonomi yang lemah selepas krisis kewangan.

"Asean juga memerlukan negara-negara +3 bagi membuktikan kepentingan Asean pada forum antarabangsa seperti WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia) terus terjamin," katanya.

Penubuhan Sekretariat Asean+3 telah dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Asean ketujuh November tahun lepas di Brunei Darussalam.

-- BERNAMA

NN HS LAT